

BH (rencana) Khamis 7/3/13 ms29

PKS perlu bijak manipulasi aset tingkat daya saing

Strategi digubal bolehkan syarikat jana pulangan lebih konsisten

Oleh Mohamad Rozi Hassan
rozi@ump.edu.my

Sumbangan dan kepentingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada ekonomi diiktiraf di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Objektif Wawasan 2020 untuk membina Malaysia sebagai negara maju dengan status pendapatan tinggi menjelang 2020 seolah-olah banyak bergantung kepada pembangunan PKS. Ini berikutan PKS adalah mekanisme penting bagi menjayakan beberapa pembangunan strategik negara seperti penyediaan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi dan mengukuhkan asas perindustrian.

Mengakui sumbangan besar PKS kepada ekonomi negara, pelbagai strategi dan inisiatif digubal dengan tumpuan kepada mempercepat dan meningkatkan tahap kelebihan daya saing. Perkembangan ekonomi dunia serta perubahan struktural dalam pelbagai segi menimbulkan cabaran sekali gus peluang bagi perniagaan PKS.

Antara syarat utama bagi menjamin kejayaan PKS dalam persekitaran kompetitif ini ialah bagaimana kelebihan daya saing dibangun, diiktiraf dan dikekalkan. Kelebihan daya saing ditakrifkan sebagai keupayaan menghasilkan pulangan atas pelaburan secara konsisten melebihi pulangan purata industri.

Kelebihan daya saing yang mapan dicerminkan sebagai tahap pencapaian luar biasa apabila strategi firma meningkatkan nilai berbanding pesaing. Kelebihan daya saing yang mapan dihasilkan melalui aset atau sumber strategik. Bagaimanapun, kita mesti mengambil kira tidak semua aset yang dimiliki atau dikawal sesebuah syarikat mempunyai nilai strategik yang sama.

Empat sifat aset strategik

Aset (sumber) strategik mesti mempunyai empat sifat iaitu pertama bernilai, unik, sukar ditiru dan tiada pengganti.

Aset dianggap bernilai apabila ia mampu membantu PKS dalam memformulasikan strategi yang memperbaiki keberkesannya. Jika aset tertentu juga dimiliki sejumlah pesaing atau pada masa yang akan datang, maka tidak dapat menjadikan aset itu sebagai bernilai.

Aset berharga dan jarang dimiliki perusahaan lain sumber mencapai kelebihan daya saing berkelanjutan. Aset unik itu juga tidak dapat ditiru secara sempurna. Syarat terakhir adalah tidak ada aset secara sempurna sebagai pengganti.

Kelebihan daya saing sangat penting apabila firma memasuki pasaran kompetitif, yang mana keberhasilan jangka

pendek bahkan jangka panjang akan ditentukan oleh kemampuan firma membangun asas yang kuat bagi menghasilkan kelebihan daya saing lebih baik daripada yang dimiliki pesaingnya dalam pasaran yang diceburi.

Kelebihan daya saing ditingkatkan melalui aset dan keupayaan firma sehingga menuntut pengurusan menghasilkan prestasi hebat dalam pasaran (misalnya jumlah penjualan, segmen pasaran, tahap pertumbuhan prestasi pemasaran) dan prestasi kewangan (pulangan pelaburan serta ekuiti pemilik).

Syarikat mampu kekal KDNK

Daya saing dan prestasi firma adalah konsep yang bergandingan. Pengukuran prestasi ini mungkin boleh dinyatakan dalam pelbagai segi bergantung kepada konteks. Berdasarkan perspektif makroekonomi, syarikat berdaya saing mampu mengekalkan tahap prestasi yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), peningkatan peluang pekerjaan dan kekayaan rakyat. Perspektif keusahawanan, firma yang berdaya saing mampu terus beroperasi dalam pasaran mencabar dan memperoleh keuntungan.

Pencapaian matlamat pembangunan PKS akan banyak mengubah struktur ekonomi negara secara keseluruhannya. SME Corp Malaysia sebagai Agensi Penyelarasan Pusat bagi pembangunan PKS akan terus menjalin kerjasama rapat dengan Kementerian dan Agensi yang berkaitan serta pihak berkepentingan lain dan sektor swasta ke arah mencapai matlamat Pelan Induk PKS (2012-2020).

Bagi pendekatan lebih holistik, dasar mengenai pembangunan PKS diperincikan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (2006-2020) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Diintegrasikan dengan pembangunan Model Baru Ekonomi (2010), Program Transformasi Ekonomi (2010) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) akan membentuk dasar pada masa hadapan dan memerlukan Rangka Kerja Pembangunan PKS yang baharu bagi memudahkan lonjakan pertumbuhan PKS dan mencapai aspirasi status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Umumnya perusahaan menerapkan strategi bersaing secara eksplisit melalui kegiatan pelbagai sinergi dan gabungan aset yang ada. Pemikiran dasar dari penciptaan strategi bersaing terbentuk daripada pengembangan formula umum mengenai bagaimana perniagaan akan dikembangkan, apakah sebenarnya menjadi tujuan dan apa yang diperlukan untuk mencapai tujuan berkenaan.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi, Universiti Malaysia Pahang